

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)16

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB AZMI BIN ALANG**

16. Adalah wajar mengembalikan hak merotan pelajar kepada guru sekolah. Guru berfungsi sebagai ibu bapa di sekolah. Apakah kerajaan tidak peka dengan pelbagai salah laku dan jenayah dilakukan oleh pelajar yang semakin berleluasa?
- (a) Kenapa sesuatu kesalahan besar / kes yang dilakukan oleh pelajar tidak diambil tindakan segera malah dilengahkan seolah tidak dipandang serius?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kuasa merotan murid masih kekal dibenarkan dan tidak pernah dimansuhkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pelaksanaan hukuman rotan ini adalah berdasarkan ketetapan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 7 Tahun 2003, Kuasa Guru Merotan Murid. Menurut SPI tersebut, hanya guru besar atau pengetua serta guru yang diberi kuasa secara bertulis dibenarkan melaksanakan hukuman rotan, dan hanya bagi kesalahan disiplin berat. Hukuman hendaklah dilaksanakan secara berhemah, tertutup, tidak keterlaluan, serta bertujuan

mendidik dan membentuk sahsiah murid, bukan untuk mendera atau memalukan pelajar.

Selain itu, KPM melalui JPNPP turut memperkukuh pengurusan disiplin dan sahsiah murid melalui pelaksanaan pelbagai dasar dan program seperti, SPI KPM Bil. 12 Tahun 2023: Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan, yang menekankan pendekatan pencegahan, intervensi, dan pemulihan, Program Terjah Asrama, pemantauan mengejut bersama PDRM untuk memastikan keselamatan dan disiplin murid terjamin dan Program Sahsiah Terpuji, yang membentuk budaya sekolah berempati serta menolak keganasan fizikal.

JPNPP sentiasa peka terhadap cabaran disiplin semasa dan komited memastikan semua tindakan terhadap murid dilaksanakan secara profesional, beretika, serta selaras dengan pekeling dan peraturan KPM. Guru kekal berperanan sebagai *in loco parentis* (ibu bapa di sekolah) yang mendidik dengan kasih sayang, disiplin dan tanggungjawab.

(a) Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) mengambil maklum pandangan berhubung persepsi bahawa tindakan terhadap kesalahan besar yang dilakukan oleh pelajar di sekolah dilengah-lengahkan atau tidak diambil dengan segera. Untuk makluman, setiap laporan salah laku pelajar, khususnya kesalahan berat seperti buli, pergaduhan, vandalisme, penyalahgunaan bahan, dan seumpamanya, akan diambil tindakan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Contohnya Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 12 Tahun 2023: Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan serta SPI Bil. 8 Tahun 2010: Tatacara Pengurusan Disiplin Murid Sekolah.

Setelah aduan diterima, tindakan segera akan dilaksanakan oleh pihak sekolah. Namun begitu, setiap kes perlu melalui proses siasatan terperinci bagi memastikan keadilan kepada semua pihak, termasuk mangsa, pelaku, dan saksi. Proses ini melibatkan, pengumpulan bukti dan kenyataan saksi,

mesyuarat Jawatankuasa Disiplin Sekolah bagi menentukan bentuk salah laku dan tahap tindakan, pelaporan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan JPNPP serta rujukan kepada pihak polis atau agensi berkaitan sekiranya terdapat elemen jenayah.

Proses ini kadangkala mengambil masa bagi memastikan tindakan yang diambil adil dan sah di sisi peraturan serta mematuhi garis panduan KPM. Walau bagaimanapun, pihak sekolah tetap mengambil langkah segera berbentuk intervensi, seperti menempatkan murid terbabit di bawah pemantauan kaunselor, menasihatkan ibu bapa dan memastikan keselamatan murid lain terjamin sementara siasatan dijalankan. JPNPP menegaskan bahawa semua kes salah laku berat dipandang serius dan tindakan sewajarnya sentiasa diambil. Jabatan turut memperkukuh pemantauan melalui Program Terjah Asrama, serta kolaborasi dengan PDRM bagi memastikan tindakan disiplin lebih pantas, telus, dan berkesan.